

31/07/2004

Perdana Menteri puas hati perbincangan sepanjang LID

By Mutazar Abd Ghani; Johari Ibrahim; Zainab Mohd Yatim

LANGKAWI: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berpuas hati dengan perbincangan sepanjang Global 2004-Dialog Antarabangsa Langkawi (Global 2004-LID) yang masuk hari kedua semalam.

Perdana Menteri berkata, ini berdasarkan tahap perbincangan dan tindak balas peserta, di samping banyak persoalan dikemukakan merangkumi pelbagai topik.

Beliau berkata, isu mengenai kemiskinan yang menjadi topik utama dialog semalam adalah isu penting yang dibangkitkan, walaupun masalah itu sukar diatasi.

"Pandangan saya, jika kita mahu mengatasi kemiskinan, kita perlu mengambil dasar jangka panjang untuk melaksanakannya.

"Malaysia mengambil masa yang panjang lebih 30 tahun untuk mengurangkan kadar kemiskinan daripada 52 peratus kepada lima peratus," katanya pada sidang media di sini, semalam.

Abdullah berkata, kestabilan politik dan dasar yang tetap, menjadi faktor penting yang perlu diterapkan.

Bagi membasmi kemiskinan, katanya, ia memerlukan pendekatan menyeluruh termasuk memastikan ada banyak peluang pendidikan, perkhidmatan kesihatan yang baik dan sektor ekonomi dinamik, selain menyediakan kemudahan dan keselamatan awam.

Beliau berkata, setakat ini Malaysia mampu melakukannya dengan menyediakan pembangunan yang baik, terutama di luar bandar seperti menumpukan kepada usaha penyediaan peluang pendidikan dan pembangunan.

"Malaysia sudi berkongsi pengalaman dengan negara lain, terutama dari negara peserta kerjasama pintar.

"Jika ada yang kita lakukan dirasakan oleh orang lain baik untuk negara mereka, kita sudi berkongsi pengalaman itu," katanya.

Perdana Menteri juga berpuas hati kerana sidang dialog kali ini turut menganjurkan sesi menjalin hubungan perniagaan.

Katanya, ini penting kerana sektor swasta adalah tulang belakang pembangunan negara, selain sektor awam.

Perdana Menteri akan mengadakan enam perjumpaan dengan pemimpin negara kerjasama pintar, hari ini.

Semalam beliau mengadakan perjumpaan dengan Presiden Namibia, Dr Sam Nujumo dan Naib Presiden Afrika Selatan, Jacob G Zuma.

Abdullah berkata, walaupun perjumpaannya dengan dua pemimpin itu lebih menyentuh mengenai hal antarabangsa, beliau sempat menyuarakan hasrat supaya hubungan baik antara dua negara berkenaan dengan Malaysia yang dijalin sejak kepimpinan Tun Dr Mahathir Mohamad, perlu dikekalkan.

"Rakan dari dua negara itu sudah mendapat kepastian daripada saya bahawa jika Tun (Dr Mahathir) memberi perhatian kepada hubungan dua hala dengan Malaysia, hubungan yang baik itu mesti dikekalkan.

"Harapan saya kita tambah dan perluaskan lagi hubungan itu dalam banyak bidang yang boleh diwujudkan kerjasama," katanya.

Ditanya sama ada Global 2004-LID akan mengeluarkan deklarasi, beliau berkata: "Kita sudah mempunyai banyak deklarasi. Namun jika pemimpin negara kerjasama pintar lain mahukan deklarasi itu, saya akan memikirkannya."

Katanya, dialog yang diadakan menjadi landasan penting kepada negara membangun untuk menimba pengalaman dan belajar, serta mencari kaedah untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi.

(END)